

Lebih teruk berbanding tahun lalu


CAMERON HIGHLANDS

- Kejadian banjir lumpur di Ringlet dan Lembah Bertam yang berlaku malam kelmarin merupakan yang terburuk pernah berlaku di sini dan dikatakan lebih teruk berbanding tahun lalu.

Pegawai Daerah, Datuk A Rahman Hamzah berkata, berbanding tahun lalu yang hanya melibatkan kawasan Lembah Bertam, kejadian banjir kali ini turut melibatkan kawasan Ringlet.

Menurutnya, terdapat dua punca berlakunya banjir lumpur pada kali ini di mana punca pertama adalah disebabkan hujan lebat yang turun tanpa henti bermula sekitar jam 5 petang kelmarin.

"Difahami taburan jumlah hujan lebat kali ini melebihi 120 mililiter (ml) sekali gus mengakibatkan air empangan



Pelepasan air yang terpaksa dibuat daripada Empangan Sultan Abu Bakar ini menyebabkan berlakunya banjir kilat dan arus deras melanda Ringlet dan Lembah Bertam, kelmarin.

an melimpah keluar.

"Dalam kejadian tahun lalu, tidak sampai 100ml air hujan turun dan ia bertambah pada tahun ini iaitu sebanyak 120ml sekali gus menyebabkan pihak bertanggungjawab

terpaksa melepaskan air dari Empangan Sultan Abu Bakar secara berperingkat lalu mengakibatkan banjir kilat," katanya di sini, semalam.

A Rahman berkata, penduduk seharusnya memahami

apa yang berlaku semalam bukanlah boleh diselesaikan dalam masa yang singkat.

"Kejadian baru sahaja berlaku semalam, takkan hari ini sudah boleh selesaikan perkara terbabit? Ia memakan masa

untuk diselesaikan.

"Tambahan pula kejadian sebegini bukanlah boleh dipandang ringan kerana ia melibatkan pelbagai pihak justeru perbincangan bersama membabitkan jabatan yang terlibat perlu dilakukan," katanya.

Menurutnya, berdasarkan data yang diterima dari Jabatan Kaji Cuaca, sehingga Disember ini masih berbaki 55 peratus lebih hujan yang akan turun justeru berkemungkinan akan berlaku lagi kejadian hujan lebat sebagaimana kelmarin.

"Kejadian hujan lebat ini bukanlah sesuatu yang boleh dikawal dan ia bukanlah sesuatu yang boleh dijangka.

"Tambahan pula ia hanya berlaku di musim tengkujuh sedangkan pada waktu dan hari-hari lain, penduduk yang terjejas kini dapat hidup dengan selesa di penempatan

mereka," katanya.

Menjawab persoalan berkaitan mangsa banjir tahun lalu yang ditempatkan di rumah penempatan sementara yang turut terjejas akibat banjir lumpur kali ini, pihak Majlis Daerah Cameron Highlands (MDCH) sedang mencari alternatif terbaik bagi menyelesaikan perkara terbabit.

"Kami sedang berhadapan masalah tapak rumah kerana tapak yang dikenalpasti sebelum ini menelan belanja berjuta ringgit untuk membangunkan justeru, kami akan memikirkan alternatif lain bagi menyelesaikannya," katanya.

Katanya, MDCH sedang mengkaji sama ada mereka yang terlibat perlu diberi lokasi tempat tinggal baharu atau tidak kerana kebanyakan penghuni terjejas menetap di situ sejak berpuluh-puluh tahun.